

## KPWKM bekerjasama dengan KKM tangani HFMD

Oleh Zaid Salim - Mei 20, 2022 @ 3:44pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA TERENGGANU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha menangani penularan penyakit kaki, tangan dan mulut (HFMD) yang kini semakin meningkat.

Menterinya, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, walaupun HFMD dikesan banyak berlaku di Selangor, pencegahan perlu dilakukan supaya ia tidak merebak ke negeri lain.

Beliau berkata, kementeriannya akan bekerjasama dengan KKM untuk sentiasa memantau keadaan dan tahap kebersihan di Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika).

"Pengusaha Taska dan Tabika perlu sentiasa menitik berat aspek kebersihan dan tidak menerima kanak-kanak yang dikesan memiliki simptom penyakit berkenaan," katanya kepada pemberita pada Program Wanita [Bangkit@KWPKM](#), di sini, hari ini.

Beliau berkata, selain pengusaha Taska dan Tabika, ibu juga perlu memainkan peranan menjaga tahap kebersihan anak ketika berada di rumah.

Katanya, langkah pencegahan bukan sahaja terletak di bahu pengusaha Taska atau Tabika, sebaliknya ibu bapa juga perlu berperanan dalam usaha mencegah penularan penyakit berkenaan.

"HFMD adalah penyakit berjangkit. Sekiranya ibu bapa mendapati anak mempunyai simptom penyakit berkenaan seperti gatal, bintik-bintik merah, ruam elakkan menghantar anak ke pusat penjagaan dan segera mendapatkan rawatan doktor," katanya.

Dalam pada itu, pengusaha Taska dan Tabika juga perlu meningkatkan tahap kebersihan premis bagi memastikan keselamatan anak yang dihantar di pusat berkenaan terjamin.



Rina (tengah) beramah mesra bersama usahawan wanita pada Program Keusahawanan Wanita Bangkit di sebuah hotel Kuala Terengganu hari ini.  
- Foto BERNAMA